



KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MALAYSIA

# KENYATAAN MEDIA

---

**Kuala Lumpur** - Kementerian Kerja Raya ingin memaklumkan bahawa sebarang cadangan pengambilalihan mana-mana lebuh raya - akan hanya diputuskan oleh Jemaah Menteri setelah mengambil kira hasil kajian dan syor daripada Kementerian Kerja Raya berhubung hala tuju tol di negara ini secara menyeluruh. Laporan kajian itu akan hanya dibentangkan kepada Jemaah Menteri pada bulan Julai 2019.

Sepertimana yang dimaklumkan sebelum ini, Kementerian Kerja Raya telah melantik perunding audit bebas bertauliah pada bulan Januari 2019 bagi meneliti dan mengkaji secara holistik hala tuju industri tol di negara ini.

Antara prinsip atau kriteria utama kajian berkenaan ialah mencadangkan opsyen-opsyen yang munasabah dan boleh diterima pakai oleh semua pihak yang berkepentingan iaitu Kerajaan, syarikat konsesi dan juga rakyat sebagai pengguna; meminimalkan beban kewangan kerajaan dan memastikan piawaian operasi dan selenggara lebuh raya sedia ada tidak terjejas.

**YB BARU BIAN  
MENTERI KERJA RAYA**

**22 JUN 2019**

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kkr.gov.my